



The Observer

12.11.2021

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ Saga Serba Dinamik - telur sudah di hujung tanduk

Pada 8 November 2021, Serba Dinamik Holdings Berhad mengumumkan ia telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pengawal selia barisan hadapan pasaran modal iaitu Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities).

Berdasarkan fakta kes, tindakan sebegini belum pernah berlaku sebelum ini. Salah satu faktor berkaitan tindakan undang-undang ini adalah kandungan 'Dapatan Fakta Terkini' daripada Semakan Bebas Khas yang dijalankan oleh Ernst & Young ('EY') Consulting Sdn Bhd (yang secara kebetulan turut disaman oleh Serba Dinamik).

Pada 22 Oktober 2021, Bursa Securities menggantung perdagangan sekuriti Serba Dinamik (termasuk semua waran berstruktur) dan mengeluarkan arahan kepada Syarikat supaya mendedahkan kandungan 'Dapatan Fakta Terkini' sebelum 26 Oktober 2021. Keingkaran terhadap arahan ini akan mengakibatkan sambungan penggantungan perdagangan sekuriti Serba Dinamik pada hari pasaran berikutnya (27 Oktober 2021) iaitu selepas tarikh akhir arahan tersebut.

Dalam satu kenyataan media, Bursa Securities menyatakan bahawa penemuan daripada 'Dapatan Fakta Terkini' pada 30 September 2021 daripada Semakan Bebas Khas telah dimaklumkan kepada tiga daripada empat pengarah bukan eksekutif bebas Serba Dinamik pada 21 Oktober 2021.

Dilaporkan juga pembentangan oleh EY Consulting ini turut dihadiri oleh wakil dari Bursa Securities.

Bursa Securities berpandangan bahawa kandungan 'Dapatan Fakta Terkini' adalah cukup penting untuk disebarkan kepada orang ramai bagi memastikan perdagangan sekuriti Serba Dinamik berjalan dengan wajar dan teratur. Bagaimanapun, ini tidak dipersetujui oleh Serba Dinamik.

Oleh yang demikian, Serba Dinamik tidak mendedahkan penemuan dalam 'Dapatan Fakta Terkini'. Syarikat memberikan alasan ia tidak dapat mendedahkan kandungannya. Oleh itu, terdapat perbezaan pandangan antara Serba Dinamik dan

Bursa Securities. Disebabkan pendedahan tidak dilakukan oleh Serba Dinamik, Bursa Securities terus mengekalkan penggantungan perdagangan sekuriti syarikat tersebut.

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) tidak mengetahui kandungan 'Dapatan Fakta Terkini', oleh itu tidak dapat memberikan pandangan tentang kematangan penemuan tersebut.

Pada 12 November 2021, Suruhanjaya Sekuriti selaku pengawal selia statutori pasaran modal, telah memberi jaminan kepada pelabur awam bahawa terdapat kemajuan dalam penyiasatannya terhadap Serba Dinamik. Pasukan SC juga telah diperkukuh dengan sumber tambahan bagi memastikan siasatan ini diselesaikan tepat pada masanya.

Memandangkan Serba Dinamik telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Bursa Malaysia (dan EY Consulting), isu itu kini berada di bawah bidang kuasa mahkamah. MSWG menunggu kes ini diselesaikan secepat mungkin demi kepentingan pemegang saham minoriti.

❖ **Mencipta formula kemenangan: Penumpuan pelaburan Syariah dan ESG**

Pelaburan patuh Syariah dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sering dilihat sebagai pendekatan pelaburan yang berasingan walaupun kedua-duanya berkongsi prinsip yang sama iaitu menggalakkan pengawasan, tanggungjawab sosial dan penciptaan nilai.

Tidak dinafikan, mengguna pakai proses penyaringan ESG dengan sisipan Syariah boleh menawarkan pulangan mampan yang menarik dari semasa ke semasa. Lagipun, pelaburan Syariah bertujuan menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab dengan menjadi pengawas yang baik terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Secara ringkas, pelaburan Syariah menekankan:

- i. larangan terhadap instrumen berfaedah, pemberian pinjaman bercagar dan jualan singkat;
- ii. penggunaan tapisan negatif untuk mengecualikan syarikat berleveraj tinggi serta barangan atau perkhidmatan larangan seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang Syariah misalnya syarikat yang terlibat dalam industri tembakau, alkohol, senjata dan produk tidak halal.

Pelaburan ESG juga berusaha menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab dengan menyepadukan elemen pelaburan yang bertanggungjawab demi mencapai hasil yang mampan. Pendekatan ESG memberikan tumpuan kepada isu yang lebih rumit bagi mengurangkan risiko, seterusnya meningkatkan pulangan jangka panjang.

Untuk berbuat demikian, suatu penyaring boleh digunakan untuk mengecualikan pemancar gas rumah hijau paling tinggi daripada portfolio (penyaringan negatif) atau hanya mensasarkan pemancar paling rendah (penyaringan positif).

"Syariah dan ESG kedua-duanya menggalakkan pertimbangan etika dan tanggungjawab sosial yang menjadi sandaran kepada kriteria pemilihan pelaburan

mereka,” ketua penyelidikan wilayah RHB Investment Bank, Alexander Chia memberikan justifikasi dalam nota strategi pasaran baru-baru ini.

“Sebagai contoh, prinsip Syariah mementingkan unsur keadilan, memperkasa semua pihak berkepentingan, amalan beretika dan tanggungjawab sosial. Ia falsafah yang sama diterapkan dalam teras pelaburan ESG.”

Oleh yang demikian, pelabur yang mengambil berat terhadap faktor ESG dalam pelaburan mereka boleh mempertimbangkan dana Syariah sebagai alternatif memandangkan dana tersebut juga boleh diklasifikasikan sebagai pelaburan berteraskan ESG.

“Sebaliknya, penguatkuasaan nilai-nilai ESG dalam amalan pelaburan Syariah akan mendorong pelabur bukan sahaja membincangkan prinsip Syariah, tetapi juga mempersoalkan tujuan dan impak sesuatu perniagaan terhadap masyarakat dan alam sekitar,” Chia melontarkan pandangan.

Apabila membandingkan kedua-dua metodologi pelaburan, pelaburan ESG cenderung mengambil pendekatan yang meluas yang mana ia tidak mempunyai garis panduan yang diterima umum. Pelaburan Syariah pula ditakrifkan dengan jelas dan dikawal selia dengan garis panduan yang nyata berdasarkan prinsip Syariah yang diperakui.

“Ini disebabkan pembangunan kewangan Islam secara relatif bermula lebih awal berbanding kemunculan integrasi ESG dalam pelaburan yang lebih terkini” kata Chia.

Melangkah ke masa hadapan, RHB Research meramalkan pelaburan Syariah bukan sahaja akan menekankan pematuhan semata-mata tetapi akan bergerak lebih jauh iaitu mengambil kira kesan sosial dan alam sekitar demi menyumbang kepada masyarakat secara keseluruhan.

“Ia tidak seharusnya dilihat dari perspektif undang-undang Islam semata-mata kerana Syariah tidak membezakan antara keperluan undang-undang dan kewajipan moral,” Chia membayangkan masa hadapan. “Pelancaran Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia baru-baru ini merupakan suatu titik permulaan yang baik. Ia bakal memenuhi keperluan pelaburan komuniti yang mampan dan patuh Syariah.”

Prospek yang cerah

Permintaan di peringkat global untuk melabur dalam dana yang fokus terhadap faktor ESG meningkat dengan pantas pada tahun 2020, memacu aset di bawah pengurusan sehingga 29% pada suku tahun keempat 2020 kepada hampir AS\$1.7 trilion menurut pengesanan industri, Morningstar. Aliran masuk ke dalam dana mampan juga mencecah rekod tertinggi dalam tempoh yang sama, meningkat 88% kepada AS\$152.3 bilion dengan dana berdomisil Eropah menyumbang hampir 80% daripada jumlah aliran masuk.

Menurut ketua pelaburan Eastspring AI-Wara Malaysia, Tan Ming Han, kini terdapat 22 dana ESG, dengan 12 dana Islam yang fokus kepada ESG. Pada penghujung

Disember 2020, terdapat kira-kira RM2.1 bilion dana Islam ESG atau 1% daripada RM216.6 bilion jumlah aset Syariah di bawah pengurusan di Malaysia.

“Melangkah ke hadapan, permintaan untuk dana Islam ESG dijangka meningkat daripada pelabur runcit dan institusi,” ujar Tan, membuat unjuran. “Pelabur institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengumumkan komitmen mereka terhadap amalan terbaik ESG. Dana persaraan itu menjadi penandatanganan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN PRI) pada 2019.”

Malah, KWSP dijangka akan mengumumkan rangka kerja dasar kemampanan mengikut sektor menjelang akhir 2021 sebagai sebahagian daripada panduannya untuk pelaburan masa depan yang akan mematuhi amalan ESG.

Ketua pegawai pelaburannya, Rohaya Mohammad Yusof berkata ramai pelabur kini mempertimbangkan faktor ESG untuk diintegrasikan ke dalam keputusan pelaburan mereka. Amalan ESG serta kemampanan kini menjadi agenda penting dalam mengurangkan risiko dan meningkatkan nilai.

“Kami telah mengenal pasti tiga sektor penting di Malaysia serta menggubal dasar mengikut sektor dan isu, yang mana salah satu isu utama adalah perubahan iklim,” katanya pada sesi panel baru-baru ini yang bertajuk “Bagaimanakah Malaysia Membangunkan Pasaran Ekuiti yang Menekankan Kemampanan” pada Minggu Kewangan Mampan yang diadakan secara maya sempena penyertaan Malaysia dalam Ekspo 2020 Dubai.

Indeks ESG pertama Malaysia yang juga dikenali sebagai indeks FTSE4Good Bursa Malaysia telah mengatasi indeks FBM EMAS dan indeks FBM KLCI tetapi masih berada di anak tangga kedua selepas indeks Syariah FBM EMAS. Ini menunjukkan bahawa gabungan penyaringan ESG diletakkan bersama-sama sisipan Syariah boleh menawarkan pulangan mampan yang menarik dari semasa ke semasa.

Merumuskan kombo terbaik

Pada tahun 1996, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah sebagai sebahagian daripada inisiatif keseluruhan untuk membangunkan industri kewangan dan perbankan Islam di negara ini. Tugas utama majlis ini adalah sebagai penasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) dalam semua perkara yang berkaitan pembangunan pasaran modal Islam serta berfungsi sebagai badan rujukan bagi isu-isu berkaitan Syariah.

Mengambil kira kepentingan dasar Islam dan ESG yang semakin meningkat, Tan dari Eastspring menjangkakan kerjasama dan pendidikan akan diteruskan antara pengawal selia dan profesional pelaburan yang akan membawa kepada penggubalan dasar dan inisiatif seperti menggalakkan ketelusan serta pendedahan daripada pelabur, pengurus dana dan syarikat dalam menyepadukan isu-isu berkaitan ESG.

“Insentif fiskal untuk menambah baik amalan di samping penerapan piawaian yang mampan untuk syarikat serta menyepadukan prinsip Islam ke dalam dasar ESG akan memudahkan penerimgunaan yang lebih meluas,” Tan menyuarakan pandangan.

“Pelaburan Syariah dan ESG semakin popular. Pelabur Islam dan bukan Islam turut menekankan kepentingan kesan perubahan iklim terhadap portfolio mereka, sekaligus mengagihkan peruntukan kepada portfolio mereka dengan sewajarnya.”

Oleh yang demikian, bakal pelabur perlu mempertimbangkan hakikat bahawa prinsip Islam digabungkan dengan pelaburan ESG menawarkan pulangan yang kompetitif, selepas pelarasan risiko tanpa mengira tempoh masa. Ini menyokong kepercayaan bahawa tidak mustahil untuk melakukan yang terbaik apabila kita melakukan kebaikan.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 15 hingga 20 November 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
15.11.21 (Isnin) 10.30 pagi	DPI Holdings Bhd (AGM)	Keuntungan bersih DPI meningkat hampir sekali ganda kepada RM11.9 juta pada tahun kewangan 2021 daripada RM6 juta pada tahun sebelumnya. Melangkah ke hadapan, DPI berdepan cabaran untuk mengembangkan pasaran eksportnya bagi mengukuhkan pendapatan. Permintaan kepada cat aerosol sebahagian besarnya tidak terjejas sewaktu pandemik, justeru tahun kewangan berakhir 2022 pasti menjanjikan Syarikat dengan prestasi yang boleh dibanggakan.
16.11.21 (Selasa) 11.00 pagi	Dynaciate Group Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi perolehan 19 juta saham dalam MGSB, yang mewakili 74.51% kepentingan ekuiti dalam MGSB daripada MMAG, dengan harga berjumlah RM17.83 juta melalui bayaran tunai sebanyak

		RM534,900 dan terbitan 180,157,290 saham biasa baharu pada harga 9.6 sen sesaham. Selain itu, Dynaciate juga berhasrat untuk menyelesaikan amaun RM4.5 juta iaitu jumlah terhutang oleh MGSB kepada MMAG melalui terbitan 46.88 juta saham DGB baharu pada harga 9.6 sen sesaham.
17.11.21 (Rabu) 02.30 petang	Media Prima Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi perolehan dua keping tanah pegangan bebas di Kuala Lumpur dan bangunan yang didirikan di atasnya oleh STMB Properties Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Media Prima Berhad, daripada PNB Development Sdn Berhad dengan harga RM156.4 juta.
18.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	Sime Darby Bhd (AGM)	Bersandarkan prestasi yang kukuh daripada Bahagian Permotoran, khususnya di China, pendapatan Kumpulan meningkat 20% tahun ke tahun kepada RM44.5 bilion (2020: RM36.9 bilion), manakala keuntungan bersih meningkat 74% tahun ke tahun kepada RM1.4 bilion (2020: RM0.8 bilion). Kumpulan mengisytiharkan dividen berjumlah RM1.0 bilion bagi tahun tersebut yang bersamaan 72% daripada keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2021. Ini merupakan pembayaran dividen paling tinggi sejak pengasingan pada tahun 2017 dan 50% lebih tinggi daripada pembayaran pada tahun kewangan 2020.
18.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	Dialog Group Bhd (AGM)	DIALOG kekal berdaya tahan dengan prestasi kewangan yang membanggakan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021. Kumpulan menutup tirai tahun kewangan 2021 dengan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM543.1 juta, menyusut 12.3% berbanding

		RM619.6 juta, yang tidak termasuk keuntungan daripada nilai saksama bukan tunai, yang diperoleh pada tahun kewangan sebelum ini.
19.11.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Bank Islam Malaysia Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini diadakan berikutan cadangan Bank Islam untuk mewujudkan pelan pelaburan semula dividen yang memberi pilihan kepada pemegang saham untuk melaburkan semula dividen tunai mereka sebagai saham baharu dalam Bank Islam.
19.11.21 (Jumaat) 10.30 pagi	Poly Glass Fibre (M) (AGM)	<p>Pendapatan Poly Glass Fiber meningkat 7.5% kepada RM65.11 juta dalam tahun kewangan 2021 disebabkan pertambahan permintaan wul kaca daripada segmen bulu kaca gentian.</p> <p>Pada masa yang sama, ia mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM10.54 juta untuk tahun kewangan 2021, berbanding RM5.12 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi ini disebabkan oleh peningkatan jumlah jualan dan harga jualan serta kos pembuatan yang lebih rendah.</p>
20.11.21 (Sabtu) 09.00 pagi	icapital.Biz Bhd (AGM)	<p>Diskaun antara harga saham dan nilai aset bersih icapital.biz terus kekal pada 38.76% berbanding nilai aset bersih Dana sesaham RM3.87 pada 3 November 2021.</p> <p>Pengurus Dana icapital.biz percaya bahawa prestasi harga pasaran icapital “akhirnya bergantung kepada kualiti dan tingkah laku para pelaburnya.”</p> <p>Walau bagaimanapun, kami percaya ada faktor lain yang boleh menyumbang terhadap diskaun yang tinggi kepada nilai aset bersih, contohnya turun naik pasaran, penawaran dan permintaan saham, pengiktirafan</p>

		pengurus dana dan jangkaan pasaran.
--	--	-------------------------------------

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
DPI Holdings Bhd (AGM)	<p>Syarikat mencatatkan prestasi yang kukuh untuk tahun kewangan berakhir 2021 yang mana keuntungan bersih meningkat hampir 100% daripada RM6 juta pada tahun kewangan berakhir 2020 kepada RM11.9 juta. Syarikat secara umum tidak terjejas oleh pandemik kerana permintaan untuk cat aerosol kekal teguh sepanjang tempoh tersebut. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah rancangan Syarikat untuk memajukan lagi perniagaannya bagi tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>b) Syarikat pada masa ini adalah pengeluar dalam kategori pengilang jenama asli (OBM) dan pengilang peralatan asli (OEM) untuk cat aerosol. Segmen manakah yang akan difokuskan oleh Syarikat sebagai pengeluar pada masa hadapan dan apakah sebabnya?</p>
Dynaciate Group Bhd (EGM)	<p>Syarikat melaksanakan cadangan perolehan MGSB supaya keputusan kewangan Kumpulan MGSB dapat disatukan sepenuhnya dan Syarikat berpeluang menikmati potensi pendapatan daripada Kumpulan MGSB pada masa hadapan (Halaman 24, Pekeliling).</p> <p>a) Berapakah jangkaan peratus sumbangan pendapatan Kumpulan MGSB kepada pendapatan Kumpulan DGB pada masa hadapan?</p> <p>b) Memandangkan Kumpulan MGSB berada dalam kedudukan kerugian (Halaman 112, Pekeliling), bilakah Kumpulan DGB menjangkakan untuk mendapat sumbangan keuntungan daripada pelaburan ke dalam Kumpulan MGSB?</p>
Media Prima Bhd (EGM)	<p>Sebarang penggunaan dana dalaman dijangka akan mengakibatkan penyusutan dana sedia ada, yang sepatutnya digunakan sebagai modal kerja. Ini mungkin memberi kesan terhadap kedudukan aliran tunai Kumpulan (Risiko Pembiayaan, Halaman 13 Pekeliling). Maka apakah strategi yang sedang dirancang oleh Kumpulan untuk mengurus aliran tunai secara berhemat bagi mengelakkan kegagalan perniagaan akibat krisis aliran tunai pada masa hadapan?</p>
Sime Darby Bhd (AGM)	<p>Keuntungan bersih Kumpulan meningkat 74% tahun ke tahun kepada RM1.4 bilion (2020: RM820 juta) berikutan prestasi kukuh daripada Bahagian Permotoran,</p>

	<p>khususnya di China (halaman 17, Laporan Tahunan 2021). Jumlah pembayaran dividen untuk tahun kewangan 2021 berjumlah RM1.02 bilion, bersamaan lebih 70% daripada keuntungan bersih Kumpulan untuk tahun tersebut (halaman 18, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Kerajaan memperkenalkan 'Cukai Makmur' iaitu cukai sekali sahaja di bawah Bajet 2022 yang diumumkan baru-baru ini, yang dijangka memberi kesan kepada keuntungan Kumpulan untuk tahun kewangan 2022. Bagaimana dan sejauh manakah ia memberi kesan terhadap pembayaran dividen Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2022? Adakah pemegang saham masih berpeluang menikmati pembayaran dividen yang sama atau lebih baik, walaupun Kumpulan perlu membayar cukai yang lebih tinggi?</p>
<p>Dialog Group Bhd (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Diyou Fiber (M) Sdn. Bhd. pada Ogos 2021 bagi cadangan usaha sama untuk membina, memiliki dan mengendalikan sebuah kemudahan pengeluaran pelet polietilena tereftalat gred makanan yang dikitar semula ("PET dikitar semula") yang menggunakan empingan PET dikitar semula sebagai bahan mentah untuk menghasilkan pelet PET gred makanan yang dikitar semula untuk dijual kepada pelanggan makanan dan minuman. (Halaman 14, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Berapakah bahagian Kumpulan dalam usaha sama ini dengan Diyou Fiber (M) Sdn Bhd dan jumlah pelaburan awalnya?</p> <p>b) Bilakah usaha sama ini mula menyumbang secara positif kepada keuntungan Kumpulan?</p>
<p>Poly Glass Fibre (M) Bhd (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan berjaya mencecah RM65.11 juta pada tahun kewangan 2021 iaitu 7.5% atau RM4.52 juta lebih tinggi daripada tahun kewangan 2020. Sebahagian besar pendapatan ini disumbangkan oleh pertambahan permintaan bagi wul mineral kaca daripada segmen wul kaca gentian yang majoritinya dieksport ke negara-negara Oceania (Halaman 9, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah prospek permintaan wul mineral kaca? Adakah permintaan terhadap produk Kumpulan dari negara-negara Oceania dijangka kekal tinggi dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>b) Melihat trend gangguan rantai bekalan pengangkutan laut yang membimbangkan (Halaman 9, Laporan Tahunan 2021), bagaimanakah</p>

	<p>Kumpulan dapat memenuhi permintaan atau pesanan pelanggan dari negara-negara Oceania pada masa hadapan? Apakah prospek hasil jualan dari negara-negara Oceania pada tahun kewangan 2022?</p>
<p>icapital.Biz Bhd (AGM)</p>	<p>icapital telah memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman pada 2 Mac 2020 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi menyemak semula keputusan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) berkenaan had pegangan saham 20% seperti yang diperuntukkan di bawah Perenggan 3.7.1(iii) Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti untuk Tawaran Awam bagi Sekuriti Dana Tertutup dan Perenggan 7.40 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (halaman 52, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Semakan kehakiman ini adalah berkaitan perolehan saham icapital oleh City of London Investment Management Limited (CLIM) melalui penamanya.</p> <p>icapital mendakwa kepentingan ekuiti CLIM dalam Dana telah melanggar peraturan had pegangan saham 20% (halaman 7, Laporan Tahunan 2021). Walau bagaimanapun, CLIM menyatakan ia tidak melanggar mana-mana garis panduan SC.</p> <p>Apakah perkembangan terkini semakan kehakiman ini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempukan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.